

Boleh bina ruang merokok tetapi mesti patuh jarak 3 meter

[Irwan Muhammad Zain](#), Astro Awani | 📅 Januari 11, 2020 15:54 MYT



Dr Dzulkefly menjelaskan KKM memahami keperluan perokok yang mahukan tempat untuk merokok namun tidak mempunyai keupayaan untuk menyediakan tempat begitu. - Gambar hiasan

KUALA LUMPUR: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) tidak mempunyai sebarang masalah terhadap inisiatif Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang mahu membina ruang khas merokok di tempat awam.

Bagaimanapun Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad menjelaskan pelaksanaannya perlu mematuhi syarat jarak yang sebelum ini telah ditetapkan iaitu tiga meter dari premis makanan.

Beliau menjelaskan KKM memahami keperluan perokok yang mahukan tempat untuk merokok namun tidak mempunyai keupayaan untuk menyediakan tempat begitu.

Disebabkan itu pihaknya tidak mempunyai masalah dengan inisiatif KPKT yang mahu menyediakan kemudahan untuk perokok.

"Selama mana mereka boleh mematuhi peraturan seperti jarak 3 meter atau 10 kaki, kami tidak ada masalah langsung dengan hasrat KPKT itu.